

SEWAH TANAH
Asian Emerald Cuckoo

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Chrysococcyx maculatus*

CIRI-CIRI

Individu jantan mempunyai bulu berwarna hijau zamrud bercampur emas, dengan jalur putih pada bawah dada sehingga ke tongkeng. Paruh berwarna oren dengan hujung gelap. Lingkaran sekeliling mata berwarna merah. Individu betina mempunyai bahu dan atas kepala berwarna oren-kemerahan manakala bahagian lain berwarna hijau tembaga. Seluruh bahagian bawah badan mempunyai jalur berwarna hijau gelap dan putih. Paruh berwarna kuning dengan hujung gelap. Individu juvenil sama seperti individu betina tetapi bahagian atas badan kurang hijau dengan jalur gelap dan kuning pucat pada bahagian atas kepala dan bahu. Ekor lebih gelap dengan bulu luar yang lebih oren-merah. Paruhnya gelap dengan bahagian bawah yang lebih pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 17 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada mamalia kecil dan vertebrata lain, serangga, siput, buah-buahan dan biji-bijian.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan hutan dipterokarp, hutan sekunder, hutan paya air tawar, kawasan pertanian dan taman sehingga ke ketinggian 2,440 m dari aras laut (membiak di atas 600 m).

BUNYI

Individu jantan mengeluarkan bunyi *kee-kee-kee...* yang kuat, jelas dan mengandungi tiga hingga empat siri nota bagi tujuan penandaan kawasan. Semasa terbang, ia mengeluarkan bunyi *chweek* atau *chut-week* yang nyaring.

PEMBIAKAN

Telurnya diletakkan pada sarang burung lain seperti Mrs. Gould's Sunbird, *Aethopyga christinae*, Kelicap Sepah Raja, *A.siparaja* dan Kelicap Jantung, *Arachnothera longirostra*. Telurnya berwarna kuning pucat dengan tompok coklat-hijau.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.